PM baharu New Zealand terkenal sikap berterus terang, gemar diet Coke

Januari 25, 2023 @ 9:19am



Perdana Menteri baharu New Zealand, Chris Hipkins. - Foto AP

WELLINGTON: Perdana Menteri baharu New Zealand, Chris Hipkins cukup dikenali kerana sikap yang berterus terang, kurang berfesyen dan gemarkan diet Coke.

Hipkins, 44, hari ini secara rasminya mengangkat sumpah jawatan menggantikan rakannya, Jacinda Ardern yang dikenali lebih 20 tahun lalu.

Terkenal sebagai seorang berterus-terang, Hipkins sebelum ini adalah Menteri Tindak Balas COVID-19 New Zealand dan dikenali meluas sebagai ahli politik berperibadi tinggi serta cekap melaksanakan tugas.



Beliau juga seorang yang lemah-lembut sejak zaman awalnya sebagai pelopor politik mahasiswa, pernah ditangkap dan disiasat pada penghujung 1990-an berikutan membantah cadangan pembaharuan pendidikan universiti.

TERKINI PILIHAN PEMBACA

11m Batu bersurat tertua di dunia ditemui
16m PM baharu New Zealand terkenal sikap berterus terang, gemar diet Coke
48m MUIP agih RM88.5 juta kepada fakir miskin tahun lalu
54m Penyelidik UM teroka potensi sisa sawit sebagai karbon bernilai tinggi
1h Polis buru Roshaidi lolos Pusat Koreksional Jasin
1h Tiga maut, puluhan lagi terperangkap dalam runtuhan bangunan di India
1h Selesai isu kerja lebih masa secara muafakat
1h Mangsa banjir Johor melonjak ke 3,612, 5 daerah terjejas

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Parti Buruh pilih Chris Hipkins ganti Jacinda Ardern
- Carmel Sepuloni dinamakan TPM New Zealand
- New Zealand mula cari pengganti Ardern
- Chris Hipkins sedia ganti Ardern sebagai Perdana Menteri New Zealand

TRENDING



KES
35 in
perki



NASI
Nuru



NASI

(https://vodus.my) Dapatkan Baucar Tunai dengan menjawab satu soalan kajian selidik ×

Apakah bangsa anda?

Melayu Cina

India Etnik Sabah & Sarawak

Lain lain

Masuk | Daftar (https://vodus.my/?login) VPoints: 0(https://vodus.my) VODUS (https://vodus.my)

Pengulas politik, Josie Pagani menggambarkan Hipkins yang berpengalaman lebih 14 tahun dalam pentadbiran kerajaan dan pembangkang, sebagai 'bijak, disukai, tegas dan berkebolehan'.

Berasal daripada golongan kelas pekerja dari Hutt Valley, Pulau Utara New Zealand, Hipkins pernah memegang portfolio berprofil tinggi termasuk polis dan pendidikan.

"Saya fikir saya agak ke hadapan, inklusif. Orang ramai tidak akan tertanya-tanya apa yang saya fikirkan.

"Ibu bapa saya daripada golongan sederhana dan bekerja keras untuk menyediakan kehidupan yang baik untuk saya dan abang," katanya.

Beliau mempunyai dua anak iaitu seorang anak lelaki berusia enam tahun dan seorang lagi anak perempuan berusia empat tahun, bagaimanapun tinggal berasingan dengan isterinya.

Malah Hipkins menegaskan potret dan kehidupan peribadi anak-anaknya tidak akan dipertontonkan di media sosial sekali gus meminta rakyat New Zealand menghormati pendiriannya itu.

Kecenderungan pemakanannya itu menarik perhatian rakan sekerjanya, dengan bekas majikannya pernah menyatakan Hipkins tidak makan apa-apa selain roti sosej dan diet Coke.

Sambil berkongsi perkara kegemaran dengan wartawan, Hipkins adalah seorang yang menyukai aktiviti mengayuh basikal, berkebun selain menggemari kegiatan luar bangunan, tetapi mengatakan dirinya mungkin tidak mempunyai gaya fesyen terbaik di Parlimen.

Beliau sebelum ini mengikuti pengajian politik dan kriminologi di Universiti Victoria di ibu kota Wellington dan kemudian bekerja dalam sektor latihan industri.

Sebelum menjadi Ahli Parlimen pada 2008, beliau pernah berkhidmat sebagai Penasihat Kanan kepada Menteri Pendidikan dan bekas Perdana Menteri, Helen Clark.

Walaupun dikenali sebagai seorang yang sopan dan santai, Hipkins juga mampu berperwatakan politik keras berikutan pernah terbabit dalam beberapa pertengkaran berprofil tinggi dengan bekas kerajaan konservatif Australia.

Pada 2021, beliau menuduh Australia 'mengeksport sampahnya' ke negaranya yang mana ia merujuk kepada dasar kontroversi Canberra untuk menghantar pulang penjenayah ke negara kelahiran mereka.

Hipkins pernah ditegur oleh Ardern pada 2017 selepas beliau didakwa mendalangi peletakan jawatan Timbalan Perdana Menteri Australia ketika itu, Barnaby Joyce.

Maklumat yang dikeluarkan kepada Hipkins menunjukkan Joyce memiliki dua kewarganegaraan iaitu Australia dan New Zealand yang menyebabkannya hilang kelayakan untuk duduk di Parlimen di bawah Perlembagaan Australia. - AFP



'Saya menjadi saksi Dr Rani seorang insan yang baik' - Hannah Yeoh



NASIONAL Jan 24, 2023 @ 6:25pm


Dana KWSP tak akan terjejas jika pengeluaran khas seterusnya dibenar



SELEBRITI Jan 24, 2023 @ 6:03pm


Naim guna teknik irama Melayu tepat - Pensyarah

OHBULAN



PASANGAN KEKASIH 35 minit yang lepas

Kekasih Mengaku Adik-Beradik Dicekup JAIM, Bagi Alasan 'Nak Rehat' Di Hotel



PELAJAR WARGA ASING 39 minit yang lepas

Cuba Intai Jiran Mandi, Pelajar Warga Asing Ditahan Polis



ZAKEY JAVIS sejam yang lepas

'Gaya Nyanyian Keroncong Naim Jelas' – Bekas Pensyarah



PERKAHWINAN 2 jam yang lepas

Lebih Selesa Tidak Berkongsi Tentang Bakal Suami, Afifah Nasir Kahwin Tahun...



SELEPAS EMPAT TAHUN 2 jam yang lepas

Hotel Paling Mewah Di Dubai Bayar Beyonce RM111 Juta Untuk Persembahan Sejam

SIRAPLIMAU



SIHAT 12 jam yang lepas

"Pedihnya, Rasa Terbakar & Perut Sebu"- Doktor Kongsi 10 Tips Elak GERD



NOADS Jan 20, 2023 @ 5:04pm

5 Cara Lahirkan Si Cilik Celik Kewangan & Peluang Untuk Mereka Bergelar...



FAMILI Jan 20, 2023 @ 2:57pm

Mesin Basuh Hybrid Dilengkapi dengan Teknologi Pintar Bakal Meningkatkan...



FAMILI Jan 20, 2023 @ 10:41am

Ustazah Asma' Harun Kongsi 8 Waktu Afdhal Bersedekah, Jom Rebut Pahala!



SIHAT Jan 20, 2023 @ 10:23am

Pakar Kongsi 12 Sumber Makanan Untuk Atasi Demam, Batuk & Selsema

BERITA BERKAITAN



LAIN-LAIN (DUNIA) Jan 22, 2023 @ 2:19pm

Chris Hipkins sah PM baharu New Zealand, ikrar tumpu isu domestik



LAIN-LAIN (DUNIA) 2 jam yang lepas

Chris Hipkins sah dilantik sebagai Perdana Menteri ke-41 New Zealand

(https://vodus.my) Dapatkan Baucar Tunai dengan menjawab satu soalan kajian selidik ×



Masuk | Daftar (https://vodus.my/?login) VPoints: 0(https://vodus.my) VODUS (https://vodus.my)